



## **KENYATAAN MEDIA TIMBALAN PERDANA MENTERI**

### **MESYUARAT MAJLIS SOSIAL NEGARA (MSN) KE-24 BILANGAN 1 TAHUN 2026 DAN PELANCARAN PELAN TINDAKAN DASAR SOSIAL NEGARA (PTDSN)**

Hari ini Saya telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Sosial Negara yang membincangkan mengenai jurang literasi kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia serta unjuran kependudukan Malaysia menjelang 2060.

Dapatan Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan 2024 oleh Bank Negara Malaysia menunjukkan bahawa peningkatan pengetahuan kewangan belum diterjemahkan sepenuhnya kepada tingkah laku kewangan yang positif, dengan 31% rakyat tidak mempunyai wang mencukupi untuk keperluan asas dan 26% sering kehabisan wang.

Selain itu, tahap daya tahan kewangan rakyat masih rendah apabila ramai tidak mempunyai simpanan kecemasan mencukupi, perlindungan insurans atau takaful, serta perancangan persaraan yang kukuh, khususnya golongan belia. Situasi ini menunjukkan cabaran literasi kewangan bukan sekadar soal pengetahuan, tetapi turut melibatkan disiplin dan perancangan jangka panjang.

Sehubungan itu, Majlis Sosial Negara bersetuju supaya agenda literasi kewangan diarusperdanakan dalam dasar dan program sosial Kerajaan melalui integrasi pendidikan kewangan dalam program kementerian dan agensi, termasuk penerapan modul Financial Education Network (FEN) serta peluasan hebahan kesedaran kewangan kepada rakyat.

Mengenai unjuran kependudukan Malaysia menjelang 2060, data menunjukkan peningkatan ketara dalam kadar penuaan penduduk dan menuntut kesiapsiagaan menyeluruh daripada semua pihak. Sehubungan itu, saya menggesa agar usaha bersepadu diperkukuh bagi menghadapi masyarakat menua, termasuk memperluas perlindungan sosial, meningkatkan akses kepada penjagaan kesihatan dan sokongan komuniti, serta menggalakkan penuaan aktif dan produktif. Pendekatan ini penting bagi memastikan golongan warga emas terus dilindungi, dihargai dan berupaya menyumbang kepada pembangunan negara secara inklusif dan mampan.

Selesai mesyuarat, saya telah melancarkan Pelan Tindakan Dasar Sosial Negara (PTDSN) 2026 – 2030 yang dibangunkan melalui kerjasama erat antara 32 agensi termasuk kementerian, kerajaan negeri, pihak swasta, dan komuniti.

Meskipun pelbagai inisiatif sosial telah dilaksanakan, isu pertindihan dan kurang penyelarasan masih wujud. Justeru, PTDSN ini dirangka dengan lebih menyeluruh bagi

memperkuat koordinasi, mengoptimalkan sumber dan memastikan setiap intervensi lebih fokus serta berimpak tinggi kepada kumpulan sasaran.

PTDSN turut dirangka berasaskan empat teras utama dalam Dasar Sosial Negara (DSN) 2030, merangkumi 17 bidang keutamaan, 18 strategi dan 102 inisiatif. Pendekatan *Whole of Government* dan *Whole of Nation* diterapkan bagi memastikan setiap intervensi dilaksanakan secara responsif, strategik dan mampan.

Saya berharap Majlis Sosial Negara terus berperanan sebagai platform yang tertinggi dalam membincangkan isu sosial secara komprehensif. Semua agensi kerajaan disarankan mengemukakan cadangan yang konstruktif bagi menangani cabaran sosial, sekali gus memastikan pembangunan sosial yang inklusif dan kesejahteraan rakyat dapat diperkasa secara holistik.

**Ahmad Zahid bin Hamidi**

Timbalan Perdana Menteri

Pengerusi Majlis Sosial Negara

7 Mei 2026